



KEDAH AMAN MAKMUR • BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI

JABATAN PENDAFTAR

KUIN 19/1996
9 Jamadilakhir 1435
9 April 2014

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Unit
Kolej Universiti Insaniah (KUIN)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y.Bhg. Prof./Prof. Madya/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING JABATAN PENDAFTAR, KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH BIL. 3/2014 : PERATURAN PELANJUTAN KAKITANGAN (AKADEMIK DAN PENTADBIRAN) BERSTATUS KONTRAK DAN SEMENTARA.


Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Prof./Prof. Madya/Tuan/Puan, sebarang pelanjutan tempoh perkhidmatan untuk kakitangan (Akademik dan Pentadbiran) berstatus kontrak dan sementara di setiap Jabatan/Kulliyah/Pusat perlulah membuat permohonan bagi tujuan pelanjutan terlebih dahulu kepada Jabatan Pendaftar, enam (6) bulan sebelum tamat tempoh kontrak dan sementara beserta dengan sokongan daripada Dekan/Pengarah/Ketua Unit masing-masing.
3. Sehubungan itu, Jabatan Pendaftar akan memproses kelulusan untuk pelanjutan kakitangan tersebut dan akan memberi maklumbalas dalam masa 3 bulan selepas permohonan pelanjutan tempoh perkhidmatan dari pihak Jabatan/Kulliyah/Pusat diterima. Sekiranya pihak Jabatan/Kulliyah/Pusat gagal menghantar permohonan tersebut kepada Jabatan Pendaftar dalam tempoh masa yang diberikan, Jabatan Pendaftar akan beranggapan bahawa kakitangan tersebut tiada keperluan bagi Jabatan/Kulliyah/Pusat yang terlibat dan tempoh perkhidmatan kakitangan tersebut akan ditamatkan.
4. Diharapkan Y.Bhg. Prof./Prof. Madya/Tuan/Puan mengambil perhatian berhubung perkara ini dan seterusnya memaklumkan kepada semua kakitangan (Akademik dan Pentadbiran) berstatus kontrak dan sementara di Jabatan/Kulliyah/Pusat Y.Bhg. Prof./Prof. Madya/Tuan/Puan. Surat pekeliling ini berkuatkuasa serta merta daripada tarikh surat ini. Oleh yang demikian, surat pekeliling Jabatan Pendaftar Kolej Universiti Insaniah Bil. 2/2014 : Peraturan Pelanjutan Pensyarah Kontrak adalah terbatal. Segala kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

"PENEROKAAN KE ARAH KEBIJAKSANAAN"

Saya yang menurut perintah,



(ZAID BIN AHMAD, AMK., BCK.)

Pendaftar

s.k Y.Bhg. Datuk Rektor
 Y.Bhg. Timbalan Rektor (HEA & Penyelidikan)